



JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA

PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN PENOLONG JURUTERA 2018

MEKANIKAL

KOD : PJM02
SUBJEK : PENGURUSAN WOKSYOP
TARIKH : 19 MAC 2018
MASA : 2.00 PTG - 5.00 PTG

**DILARANG MEMBUKA KERTAS SOALAN
SEHINGGA DIARAHKAN**

PERKARA : PJM02 – PENGURUSAN WOKSYOP

ARAHAN KEPADA CALON

*Kertas ini mengandungi sepuluh (10) soalan.
Jawab mana-mana lima (5) soalan sahaja.*

Calon tidak dibenarkan merujuk kepada sebarang bahan rujukan.

SOALAN 1

- a) Setiap pembaikan kenderaan di JKR Woksyop perlu memenuhi piawai yang telah ditetapkan oleh pengurusan atasan. Senaraikan **dua (2)** piagam pelanggan pembaikan kenderaan, takrifkan setiap satunya beserta contoh.

(10 markah)

- b) Terangkan dengan terperinci **tiga (3)** tugas Pembantu Kemahiran, H19 dalam proses membaiki sesebuah kenderaan daripada proses penerimaan kenderaan sehingga penyerahan kepada pelanggan.

(6 markah)

- c) Sebagai Penolong Jurutera di JKR Woksyop, anda harus tahu berkaitan pelbagai perjawatan sokongan 2. Nyatakan **empat (4)** jenis tugas di bengkel yang bersesuaian dengan Pembantu Awam, H11.

(4 markah)

SOALAN 2

- a) Berdasarkan takrifan dalam Pekeliling Perbendaharaan WP4.1, berikan maksud ringkas Kenderaan Jabatan, Kereta Konsesi dan Kereta Rasmi Jawatan (KRJ).

(6 markah)

SOALAN 2 (sambungan)

- b) Nyatakan **empat (4)** jenis Kad Inden bagi kenderaan kerajaan dan terangkan fungsi ringkas bagi setiap kad tersebut.

(12 markah)

- c) Nyatakan **dua (2)** jenis kenderaan konsesi yang dipajak oleh kerajaan beserta tempoh pajakan setiap satu.

(2 markah)

SOALAN 3

- a) Berikut adalah penggunaan kenderaan dan minyak bagi sebuah Kenderaan Kerajaan dalam bulan November.

Jenis Kenderaan : Proton Preve

Jumlah Kapasiti Tangki : 50 liter

Tarikh	Odometer	Isian (liter)	Catatan
1/11/2017	8,800	Tiada	Tangki Penuh
10/11/2017	8,920	48	Penuh
21/11/2017	9,180	45	Penuh
1/12/2017	9,300	43	Isian penuh pertama awal bulan

- i) Kirakan kadar penggunaan bahan api pada bulan November dan baki isipadu bahan api (liter) pada awal bulan berikutnya.

(6 markah)

- ii) Berdasarkan kadar penggunaan bahan api di atas, nyatakan kesimpulan prestasi kenderaan tersebut dan tindakan yang boleh diambil.

(4 markah)

SOALAN 3 (sambungan)

- b) Pemandu Kerajaan adalah antara tonggak utama dalam memastikan urusan Jabatan berjalan lancar. Berdasarkan Pekeliling Perbendaraan WP4.1, nyatakan **empat (4)** tanggungjawab pemandu.

(4 markah)

- c) Antara tanggungjawab Pegawai Kenderaan adalah memastikan Lampiran C4 (Format analisa kadar penggunaan bahan api bulanan) diisi dengan lengkap. Terangkan fungsi lampiran tersebut dan nyatakan tindakan yang perlu dilakukan oleh Pegawai Kenderaan dan Ketua Jabatan.

(6 markah)

SOALAN 4

- a) Alat Pelindung Keselamatan (*PPE*) perlu digunakan semasa kerja-kerja di bengkel bagi mengelakkan kecederaan. Terangkan secara ringkas fungsi beserta **dua (2)** contoh kerja bengkel yang terlibat bagi *PPE* berikut:

- i) Pelindung Mata Jernih
- ii) Pelindung Pernafasan
- iii) Pelindung Pendengaran
- iv) Kasut Keselamatan

(12 markah)

- b) Senaraikan **empat (4)** tanda amaran/larangan/keselamatan yang kebiasaannya terdapat di dalam sesebuah bengkel.

(8 markah)

SOALAN 5

- a) Nama dan terangkan fungsi peralatan-peralatan am i hingga iv di bawah serta berikan **satu (1)** contoh kerja pembaikan yang terlibat untuk setiap satunya.



(i)



(ii)



(iii)



(iv)

(12 markah)

- b) **Gambar rajah di bawah** adalah peralatan yang digunakan untuk mengukur.




- i) Nyatakan nama peralatan tersebut dan **dua (2)** jenis ralat sifar (*zero error*) yang mungkin berlaku.


(4 markah)

SOALAN 5 (sambungan)

- ii) Berikan bacaan yang betul dengan merujuk kepada **gambar rajah A dan B**. Andaikan tiada ralat sifar pada peralatan tersebut.



Gambar rajah A



Gambar rajah B

(4 markah)

SOALAN 6

- a) Pemeriksaan dan pengujian kenderaan secara berkomputer memberikan keputusan yang tepat dan pantas. Jelaskan secara terperinci skop pemeriksaan berikut:
- i) Ujian Lampu Limpah (*Head Lamp Inspection*)
 - ii) Ujian Pelepasan Asap Enjin Diesel (*Smoke Test for Diesel Engine*)
 - iii) Ujian Meter Halaju (*Speedometer Test*)
 - iv) Ujian Suspensi (*Suspension Test*)
 - v) Ujian Brek (*Braking Test*)
 - vi) Pemeriksaan Bawah Badan (*Under Carriage Inspection*)

(12 markah)

SOALAN 6 (sambungan)

- b) Terangkan prosedur-prosedur yang perlu dilakukan oleh seorang pemandu kenderaan kerajaan apabila kenderaan kerajaan yang dipandunya terlibat dalam kemalangan.

(8 markah)

SOALAN 7

- a) Aset Alih Kerajaan terbahagi kepada **dua (2)** kumpulan iaitu Harta Modal dan Aset Alih Bernilai Rendah. Terangkan secara ringkas **kedua-dua** kumpulan aset tersebut.

(4 markah)

- b) Berikan nama dan fungsi dokumen-dokumen di bawah dalam menguruskan Aset Alih Kerajaan.

- i) KEW.PA-2
- ii) KEW.PA-6
- iii) KEW.PA-10
- iv) KEW.PA-13
- v) KEW.PA-14

(10 markah)

- c) Berikan **enam (6)** maklumat aset yang boleh diperolehi daripada borang KEW.PA-2.

(6 markah)

SOALAN 8

Tatacara Pengurusan Stor Kerajaan berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan AM6.1 sehingga AM6.9 adalah dikeluarkan dengan tujuan untuk memperkemaskan tatacara pengurusan yang berkuat kuasa pada masa kini. Merujuk kepada pekeliling tersebut:

a) Terangkan secara ringkas maksud bagi perkara-perkara berikut:

- i) Paras stok maksimum
- ii) Paras menokok stok
- iii) Paras stok minimum

(6 markah)

b) Nyatakan **empat (4)** faedah yang diperolehi melalui pengurusan kawalan stok yang cekap dan berkesan.

(8 markah)

c) Senaraikan **tiga (3)** fungsi utama Unit Stor.

(6 markah)

SOALAN 9

a) Penyelenggaraan keatas sesebuah kenderaan adalah amat penting dan perlu dilakukan secara teratur. Nyatakan **empat (4)** kepentingan penyelenggaraan kenderaan.

(8 markah)

b) Terangkan secara ringkas bagi setiap konsep penyelenggaraan berikut dan berikan **satu (1)** contoh kerja yang berkaitan:

- i) Penyelenggaraan Pencegahan (*Preventive Maintenance*)
- ii) Penyelenggaraan Berkala (*Periodic Maintenance*)

(6 markah)

SOALAN 9 (sambungan)

- c) Nyatakan **empat (4)** kepentingan/faedah yang diperolehi daripada kerja-kerja pembersihan dan pencucian kenderaan.

(6 markah)

SOALAN 10

- a) Semasa anda memandu kenderaan di jalan raya, didapati stereng kenderaan bergegar. Berdasarkan kepada masalah yang anda hadapi, nyatakan **empat (4)** kemungkinan sebab utama kerosakan tersebut.

(8 markah)

- b) Terangkan secara ringkas **dua (2)** fungsi tayar bagi sesebuah kenderaan.

(8 markah)

- c) Nyatakan penyebab utama bagi masalah kehausan tayar berikut:

- i) Kesan haus berlebihan di bahagian tepi kiri dan kanan bunga tayar.
- ii) Kesan haus berlebihan di tengah-tengah bunga tayar.

(4 markah)
